



Headline	Mana pilihan rakyat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 May 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	10	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	Roslinda Hashim	AdValue	RM 1,628
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,884



Mana pilihan rakyat

Manifesto menyeluruh atau tawaran bulan bintang

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR - Manifesto dicanang sebagai janji-janji manis parti politik untuk menawan sokongan pengundi bagi membolehkan parti itu diberi mandat dalam Pilihan Raya Umum (PRU).

Tidak terkecuali parti pemerintah atau pembangkang, masing-masing menawarkan terbaik untuk dipilih rakyat, yang akan menjeramah sokongan dalam bentuk undi.

Namun apa rakyat mahukan, apakah bentuk manifesto atau tawaran yang mereka inginkan? Adakah manifesto dibuat sekadar gula-gula sebelum PRU, dan selepas PRU, ibarat habis manis sepah dibuang.

Berdasarkan tawaran Pakatan Rakyat (PR) Kedah, 'Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua' yang mengetengahkan 15 perkara, berbanding 14 perkara (PRU12), ia lebih bersifat umum dan tidak seperti yang rakyat jangkakan.

Agak menghairankan apabila tawaran tidak mengkhusus kepada subjek-subjek tertentu, sebaliknya memberi fokus dalam aspek penambahbaikan dalam pentadbiran dan perkhidmatan.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, manifesto PR tidak menawarkan janji di luar kemampuan mereka, sebaliknya ia kesinambungan daripada perancangan sejak sepenggal lalu yang dibuat penambahbaikan.

15 perkara diberi tumpuan, iaitu aspek pentadbiran, hal ehwal Islam, pendidikan, ekonomi, pertanian, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kebajikan dan pembangunan sosial, kemudahan asas, tanah, pembangunan insan, hal ehwal wanita, hak dan kepentingan bukan Muslim, pelancongan, belia dan sukan.

Barisan Nasional (BN) Kedah pula melancarkan manifesto PRU13 bertemakan 'Menepati Janji Membawa Harapan', menggariskan 14 perkara utama dalam buku akujanji.

Melihat kepada tawaran itu, ia lebih dominan malah jelas memperinci aspek tertentu dan lebih fokus kepada subjek yang ingin disampaikan kepada rakyat.

Tidak mustahil rakyat akan tertarik kepada tawaran BN, namun ia bukan pe-

mentu kemenangan dalam PRU13.

Pengerusi BN Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah berkata, antara aspek yang diberi tumpuan termasuk hal ehwal agama, transformasi ekonomi dan pertanian, transformasi bandaraya Alor Setar, selain belia dan sukan.

"Kita meletakkan hal ehwal agama sebagai teras untuk majukan semula Kedah. Kita juga tekad pertahan kewujudan pusat pengajian pondok dan tahfiz dengan beri pelbagai kemudahan, termasuk mengimarahkan ilmu tahfiz. Akujanji dirangka dengan ambil kira kemampuan parti dan bukan janji kosong," katanya.

BN yakin Alor Setar akan berubah menjadi bandaraya Metropolis selain tumpuan ilmuwan melalui penubuhan universiti yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berteknologi tinggi.

Antara tawaran dalam manifesto PRU13 Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional - Kedah		
	Pakatan Rakyat	Barisan Nasional
1	Mantapkan pentadbiran dengan nilai-nilai murni sejagat dan Islamik	1 Mengasingkan hasil pendapatan negeri dengan hanya sumber berlandaskan Syariah untuk perbelanjaan melibatkan umat Islam.
2	Laksana program merancang industri pengeluaran makanan	2 Memperkasa institusi dan pergurusan masjid/surau & tubuhkan Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab
3	Perkenal program 'Beras Sejahtera' secara percuma	3 Bangunkan Jerlun sebagai Pusat Industri Minyak dan Gas serta Yan sebagai Zon Industri Petroleum
4	Naikkan kadar bayaran sumbangan kafalah	4 Bangunkan Bandaraya Getah Kota Putra di Padang Terap
5	Bina lebih banyak rumah mampu milik	5 Banyakkan rumah mampu milik di kawasan bandar
6	Wujudkan Rumah Sejahtera kepada anak-terbiar dan wanita teraniaya	6 Buka lebih banyak cawangan universiti termasuk UiTM, Universiti Multimedia, Universiti Lim Kok Wing dan Universiti Kuala Lumpur
7	Skim bantuan kewangan kepada persatuan sukan	7 Tingkat infrastruktur sukan dan rekreasi
8	Bina sebuah litar lumba sukan permotoran	8 Bina sebuah litar lumba sukan permotoran